

sweet TALK

Untuk Edaran Dalam Kumpulan MSM

Mesyuarat Agung Tahunan 2014

m/s 4

Inisiatif Awal Dialog Gula Malaysia-Thailand

m/s 8

Sambutan Jubli Emas 50 Tahun MSM

m/s 9



Mesej dari Pengerusi

YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad

PENGERUSI

Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum W.B.T

Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan keluaran pertama buletin Kumpulan MSM yang juga dikenali sebagai Sweet Talk.

MSM telah melalui pelbagai fasa sejak ia dilancarkan pada tahun 1964 oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang kini telah menjadi sebuah ikon negara juga peneraju industri gula di Malaysia. Dapat meraikan ulangtahun ke-50 MSM sebagai Pengerusi MSM Malaysia Holdings Berhad merupakan satu penghormatan besar buat saya.

Produk MSM bukan sahaja terkenal di Malaysia, malah juga terkenal di negara-negara Asia seperti Singapura, Australia, New Zealand, Korea Selatan dan Pakistan kerana kualiti produk MSM. Kita bukan sekadar mahu menjadi jaguh kampung, bahkan ingin menawan dunia dengan jenama dan produk gula bermutu keluaran MSM.

Saya yakin MSM Malaysia Holdings Berhad akan mencapai matlamat untuk menjadi hab pengeluaran gula bertapis di rantau Asia Pasifik sekaligus membolehkan Malaysia menjadi peneraju dalam segmen ini.

Bagi pihak ahli Lembaga Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para perintis atas sumbangan besar mereka. Saya juga ingin berterima kasih kepada semua petugas, dahulu dan sekarang yang telah memainkan peranan penting dalam membawa MSM ke tahap yang boleh dibanggakan kini. Tanpa usaha keras dan pengorbanan semua, MSM tidak akan boleh mengecapi fasa pertumbuhan seterusnya untuk melangkah ke peringkat global.

Dalam mengenang kejayaan lalu, kita perlu melihat kepada perancangan masa hadapan. Matlamat MSM untuk menjadi antara pengeluar terkemuka gula dunia adalah satu cabaran yang perlu ditempuhi bagi membolehkan kita terus berkembang maju.

Dengan kepakaran dan keupayaan selama 50 tahun di dalam industri ini, saya yakin kita mampu mengukir kejayaan baru bagi 50 tahun yang akan datang.

Mudah-mudahan usaha kita berjaya hendaknya.

Salam hormat.



EDITORIAL

Penaung

Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod

Penasihat

En Mohamad Amri Sahari@Khuzari

Editor

Siti Noorbaya Mohd Yunus

Pengurus Projek

Nik Khairunnisa Ahmed Lokman
Norazrin Asraf Hassan

Terbitan

MSM Malaysia Holdings Berhad
Aras 44, Menara Felda,
Platinum Park No. 11,
Persiaran KLCC,
50088, Kuala Lumpur, Malaysia

Laman Web:

www.msmsugar.com

Mesej dari Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod

PRESIDEN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF KUMPULAN



Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum W.B.T

Syukur Alhamdulillah kerana limpah kurnia-Nya, Kumpulan MSM telah mencecah usia 50 tahun.

Saya yakin kita dapat mencorak pertumbuhan agresif MSM berasaskan kepakaran yang dimiliki setelah 50 tahun bertapak sebagai pengeluar gula terkemuka di Malaysia. Jenama Gula Prai dan Gula Perlis telah membawa nilai sebanyak RM80 juta. Ini buktinya bahawa kita tidak lagi asing di kalangan masyarakat Malaysia, turun temurun dari satu generasi ke generasi yang lain.

Bergerak seiringan dengan keperluan semasa, MSM kini dalam usaha untuk mengembangkan kedua-dua kluster iaitu huluan dan hiliran. Pihak pengurusan juga amat proaktif dalam mencari inisiatif baru untuk memajukan lagi syarikat dan ruang perniagaan melalui penggabungan dan pengambilalihan syarikat berpotensi tinggi dalam aktiviti hiliran dan huluan.

Pemilikan syarikat baru yang strategik melalui proses bukan organik ini sangat penting untuk meletakkan MSM setanding dengan syarikat lain di peringkat antarabangsa.

Melalui kerjasama ini, saya yakin syarikat akan dapat meningkatkan keupayaan sebanyak tiga kali ganda pengeluaran gula halus tahunan, daripada 1.2 juta tan setahun kepada 4 juta tan setahun, menyaksikan satu lembaran baru bakal tercipta buat MSM Malaysia Holdings Berhad dalam merealisasikan anjakan paradigma sebagai hab gula terbesar

rantau Asia Pasifik dan antara 10 pengeluar gula terbesar dunia menjelang tahun 2020.

MSM juga dalam rancangan untuk menubuhkan sebuah syarikat perdagangan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE), untuk mendapatkan kawalan keseluruhan rantai bekalan dan carter kapal untuk pergudangan. Hal ini akan membantu kita mengurangkan kos logistik serta mempunyai sebuah syarikat perdagangan gula yang berpangkalan di Eropah sebagai usaha untuk menguasai pasaran gula.

Untuk menjadi sebuah entiti terkemuka sebagai pengeluar utama gula proses, kita perlu meletakkan posisi syarikat selangkah di hadapan. Keyakinan adalah pendorong kepada kejayaan luar biasa. Tujuan saya di sini adalah untuk membawa MSM ke tahap yang lebih gemilang.

Sokongan penuh warga MSM menjadi harapan buat saya dan juga pihak pengurusan agar tahun-tahun akan datang, MSM Malaysia Holdings Berhad dapat mencatat sejarah yang lebih besar. Ulangtahun ke-50 MSM seharusnya kita jadikan sebagai batu loncatan untuk terus maju ke hadapan.

Di kesempatan ini, saya mengucapkan terima kasih kepada semua warga MSM, dahulu dan sekarang kerana dengan sokongan dan kerja keras anda semua telah membawa MSM ke tahap ini sekarang. Segalanya tidak akan tercapai tanpa anda semua.

Salam hormat.



Ahli Lembaga Pengarah MSM Malaysia Holdings Berhad.

Atas dari kiri: Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad, Dato' Zainal Haji Ismail, Dato' Hajjah Rosni Haji Zahari, Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid
Bawah dari kiri: Datuk Haji Faizoull Ahmad, Datuk Lim Thean Shiang, Dato' Emir Mavani Abdullah, Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod



Suasana ketika sesi sidang Mesyuarat Agung Tahunan 2014.

Mesyuarat Agung Tahunan MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) 2014 menyaksikan peningkatan keuntungan sebelum cukai sebanyak 25.9 peratus berjumlah RM359 juta berbanding pada tahun 2012 iaitu RM285 juta.

Keuntungan yang dicatatkan tinggi berbanding tahun lepas unjuran daripada pengurangan kos pemprosesan hingga produk akhir.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan, Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod, berkata "pengoptimuman kos melibatkan penyusunan semula saluran pengedaran tempatan MSM", dijangka mampu menjimatkan MSM antara RM23 hingga RM25 se-tan metrik,".

Pengoptimuman tersebut bukan sahaja dilihat membantu mengurangkan kos pengeluaran, malah meningkatkan daya saing serantau dan global serta dapat mengimbangi permintaan domestik.

MSM menjangkakan peningkatan permintaan pasaran gula pada tahun 2015. Bagi mengatasi masalah bekalan, MSM

Mesyuarat Agung Tahunan 2014

merancang untuk mendirikan gudang keempat di kilang penapisan Prai dalam usaha meningkatkan kapasiti simpanan gula mentah.

Bagi memenuhi sasaran pertumbuhan, MSM pada masa hadapan akan menjalankan lebih banyak penggabungan dan pengambilalihan, agar MSM lebih menonjol dan berdaya saing merangkumi operasi perniagaan tempatan mahupun perniagaan di luar negara sebagai antara 10 pemain utama dalam industri gula menjelang 2020.



Dato' Dr Sheikh Awab, Tan Sri Haji Mohd Isa dan Dato' Emir Mavani mempamerkan Laporan Tahunan 2013 MSM Malaysia Holdings Berhad.

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kumpulan dan Pelancaran Surau MSM Prai



1



3



2

1. Tan Sri Haji Mohd Isa menyampaikan sumbangan zakat kepada anak-anak yatim.
2. Penyampaian cenderahati kepada Tan Sri Haji Mohd Isa dari pihak Kumpulan MSM.
3. Tan Sri Haji Mohd Isa melancarkan simbolik perasmian Surau Al-Munawwarah bersama Dato' Dr Sheikh Awab dan Dato' Emir Mavani.
4. Tan Sri Haji Mohd Isa dan Puan Sri menyampaikan sumbangan zakat kepada orang kelainan upaya.
5. Para tetamu beratur untuk mengambil juadah yang disediakan.

Surau Al-Munawwarah telah sempurna dirasmikan oleh Pengerusi MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad pada 20 Ogos 2014 di MSM Prai, Pulau Pinang.

Turut hadir sama pada majlis tersebut adalah Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod bersama Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV, Dato' Mohd Emir Mavani Abdullah serta ahli Lembaga Pengarah MSM, Pegawai-Pegawai Kanan MSM dan FGV.

"Diharapkan dengan adanya surau ini, ukhuwah sesama kakitangan akan terjalin lebih erat kerana ia boleh dijadikan lokasi pertemuan atau perbincangan antara kakitangan", kata Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad ketika merasmikan Surau Al-Munawwarah.

Kemudahan surau tersebut membolehkan kakitangan yang beragama Islam menunaikan ibadah dalam keadaan selesa lantas turut dapat mengeratkan ukhuwah sesama kakitangan serta penduduk di sekitar kilang MSM Prai.

Ini adalah salah satu usaha yang diberi perhatian oleh pucuk pimpinan MSM, terutamanya dalam menjaga kepentingan dan kebajikan kakitangan.

Surau Al-Munawwarah yang mula dibina pada 18 Mac 2013 telah mula diguna pakai pada 19 Mac 2014 oleh kakitangan MSM Prai.

Penambahbaikan Surau Al-Munawwarah mampu memuatkan sehingga 120 jemaah. Perasmian surau berkenaan diadakan pada bulan Ogos bersempena Sambutan Majlis Hari Raya Aidilfitri Kumpulan MSM.

Selain itu, sesi pengagihan zakat perniagaan turut disampaikan kepada golongan asnaf dan orang kelainan upaya yang dijemput khas dalam majlis tersebut.



4



5

Detik-detik Kemanisan



8 MEI

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara MSM Malaysia Holdings Berhad dan Al-Khaleej International Ltd. di Menara Felda.



24 MEI

MSM Perlis menganjurkan Gula Perlis *Open Chess Challenge* 2014 bersempena Sambutan Keputeraan DYMM Raja Perlis yang ke-71 di Hotel Putra Palace.



11 JUN

Mesuarat Agung Tahunan MSM Malaysia Holdings Berhad di Menara Felda.



15 JUN

Pertandingan *Treasure Hunt* MSM Perlis anjuran Kelab Sukan Kilang Gula di sekitar kawasan Perlis.



8 JULAI

Townhall dan Majlis Berbuka Puasa Kumpulan FGV di Ixora Hotel, Prai, Pulau Pinang



9 JULAI

Majlis Berbuka Puasa Felda, FGV dan MSM bersama media di Casa Heliconia, Kuala Lumpur



17 JULAI

Program Bubur Lambuk MSM Perlis di perkarangan kilang.



22 JULAI

Penyampaian duit raya kepada kakitangan MSM Perlis.



20 OGOS

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Kumpulan dan Pelancaran Surau MSM di Prai.



28 OGOS

Lawatan delegasi Thailand ke Ibu Pejabat MSM Malaysia Holdings Berhad di Menara Felda.



31 OGOS

Sambutan Hari Kemerdekaan ke-57 MSM Perlis di Padang Merdeka, Kangar.



19 SEPTEMBER

Pertandingan memancing di kalangan kakitangan MSM Perlis.



23 SEPTEMBER

Taklimat Hala Tuju MSM Malaysia Holdings Berhad dan Sesi Pengagihan Kad Perubatan di Menara Felda.



2 OKTOBER

Sesi ceramah dan solat hajat anjuran MSM Perlis bersama kakitangan.



5 OKTOBER

Korban Hari Raya Aidiladha di MSM Perlis.



1 NOVEMBER

Sambutan Jubli Emas ke-50 tahun MSM di Grand Ballroom, Palace of The Golden Horses.



10 NOVEMBER

Sesi pengagihan kad perubatan di MSM Perlis (Bahagian Perladangan).



12-13 NOVEMBER

Taklimat dan latihan Key Performance Indicator (KPI) di Menara Felda.

Lawatan Delegasi Thailand:

Inisiatif Awal Dialog Gula Malaysia-Thailand



1



2



3

1. Delegasi Thailand merakam gambar kenangan bersama pihak pengurusan MSM Malaysia Holdings Berhad.
2. Suasana ketika sesi dialog berlangsung.
3. Dato' Dr Sheikh Awab menyampaikan cenderahati kepada En Cherdpong Siriwit.

MSM Malaysia Holdings Berhad telah menerima kunjungan daripada delegasi Thailand pada 28 Ogos 2014.

Delegasi seramai 32 orang tersebut diketuai oleh Cik Vichada Pabunjertkit, dari Unit Kaunselor Komersial, Pejabat Menteri Kedutaan Thailand, diiringi Presiden Thai Sugar Millers Corporation Limited, En Cherdpong Siriwit.

Lawatan tersebut turut dihadiri wakil daripada syarikat Thai Sugar Millers Corporation Limited, Thai Roong Ruang Sugar Group, Mitr Phol Sugar Corporation, Nakornphet Sugar Limited, Ban Pong Sugar Corporation, KSL Group, Wangkanai Group, Cristalla Group dan Mitr Kasetr Industry Corporation Limited.

Tujuan utama lawatan delegasi tersebut adalah untuk sesi perbincangan dan pertukaran pendapat mengenai integrasi pasaran Asia di bawah struktur *Asean Economic Community* (AEC). Dengan ini, industri gula Thailand dan Malaysia dapat melihat perspektif pasaran Asia untuk diterokai bersama.

Keadaan semasa gula juga turut menjadi antara topik utama perbincangan kedua-dua belah pihak.

Lawatan tersebut adalah inisiatif awal dalam menganjurkan dialog gula antara Malaysia – Thailand lantas dapat mengeratkan hubungan dua hala kedua-dua negara.



4



5



6

4. Cik Chanida Asdathorn menerima cenderahati daripada Dato' Dr Sheikh Awab.
5. Sesi soal jawab delegasi Thailand dan pihak MSM.
6. Dato' Dr Sheikh Awab bertukar kad perniagaan dengan wakil delegasi.



Sambutan Jubli Emas 50 Tahun MSM

Penerima Anugerah Perkhidmatan Setia merakam gambar kenangan bersama Dato' Dr Sheikh Awab dan Tan Sri Haji Mohd Isa.



Majlis gilang gemilang sambutan ulangtahun ke-50 MSM pada 1 November 2014 telah dihadiri lebih 650 tetamu.

Tetamu kehormat pada malam sambutan ulangtahun ke-50 tersebut ialah YB Dato' Sri Hasan Malek; Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, manakala tetamu kenamaan lain adalah YB Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad; Pengerusi MSM Malaysia Holdings Berhad, Dato' Sri Abdul Wahid Omar dan Tan Sri Dr Ir Jamaluddin Mohd Jarjis; Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Jemputan khas yang turut hadir adalah dari Kedutaan Fiji, Indonesia, Pakistan, Singapura, Ahli Lembaga Pengarah MSM dan FGV, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM dan FGV, Pengurusan kanan MSM dan FGV, rakan niaga luar dan dalam negara serta kakitangan Kumpulan MSM.

Dato' Sri Hasan Malek dalam ucapan beliau mengucapkan penghargaan terhadap MSM kerana berjaya meletakkan nama negara di persada antarabangsa melalui industri gula sejak 1964. "MSM adalah ikon negara yang juga telah memainkan peranan utama dalam pembangunan negara selepas kemerdekaan", katanya.

Pada majlis tersebut, tiga kategori anugerah telah disampaikan iaitu Anugerah Perkhidmatan Setia, Anugerah Pelanggan Setia dan Anugerah Khas.

Anugerah Perkhidmatan Setia diberikan kepada lima orang kakitangan yang berkhidmat dalam Kumpulan MSM untuk tempoh 40 tahun ke atas iaitu En Hasim Ibrahim; 40 tahun khidmat, En Ang Kah Oon; 40 tahun khidmat, En Yeoh Chu Beng; 42 tahun khidmat, En Lim Siang Tak; 42 tahun khidmat dan akhir sekali En Chuah Hoe Peng; 50 tahun khidmat bersama MSM.

MSM MALAYSIA HOLDINGS BERHAD

50th
ANNIVERSARY
1964-2014
EXCELLENT 50, BECAUSE OF YOU


Anugerah Pelanggan Setia telah disampaikan kepada lima syarikat yang telah menjadi pelanggan setia MSM sejak tahun 1964 iaitu Min Tien & Co Sdn Bhd, Hoe Sen (Mersing) Sdn Bhd, Siang Joo Enterprise Sdn Bhd, Lee Chuan Hong Sdn Bhd dan Luen Heng F&B Sdn Bhd.

Anugerah Khas yang ditujukan kepada pengasas MSM iaitu En Robert Kuok pula telah disampaikan kepada anak saudaranya beliau, En Kuok Khoon Hong oleh kerana beliau tidak dapat hadir pada majlis tersebut atas masalah kesihatan. Penyampaian anugerah khas ini telah disempurnakan oleh Dato' Sri Hasan Malek bersama Tan Sri Haji Mohd Isa Dato' Haji Abdul Samad; Pengerusi MSM sambil diiringi Dato' Mohd Emir Mavani, Presiden Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif FGV dan Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod; Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Malaysia Holdings Berhad.

Majlis sambutan ulangtahun ke-50 MSM tersebut telah diadakan di Grand Ballroom, Palace of The Golden Horses. Persembahan Dato' Sheila Majid dan Fakhru Razi sebagai artis undangan memeriahkan lagi suasana Sambutan ke-50 tahun MSM tersebut.



En Kuok Khoon Hong bagi pihak En Robert Kuok menerima Anugerah Khas 50 Tahun MSM.



Penyeragaman nama bagi anak-anak syarikat MSM Malaysia Holdings Berhad telah berkuatkuasa pada Oktober 2014.

Proses tersebut melibatkan MSM Prai Berhad (MSM Prai) yang dahulunya dikenali sebagai Malayan Sugar Manufacturing Co Berhad, MSM Perlis Sdn Bhd (MSM Perlis) yang dahulunya dikenali sebagai Kilang Gula Felde Perlis Sdn Bhd dan juga anak syarikat MSM Prai iaitu MSM Logistics Sdn Bhd (MSM Logistics) yang dahulunya dikenali sebagai Astakonas Sdn Bhd.

Melalui penyeragaman ini, tiga entiti anak syarikat MSM Malaysia Holdings Berhad akan bertukar nama dan identiti korporat. Tujuan utama proses ini adalah untuk menyeragamkan penggunaan logo syarikat dan sistem operasi.

MSM Malaysia Holdings Berhad dan anak-anak syarikat akan menggunakan identiti korporat yang sama iaitu logo, skema warna dan rekaan yang meliputi semua bahan kegunaan pejabat seperti dokumen, kepala surat, kad perniagaan, invois, dan lain-lain.

Selain itu, penjenamaan produk juga akan turut mengalami sedikit perubahan agar produk MSM selari dengan perkembangan semasa, meletakkan posisi MSM selangkah lebih proaktif di hadapan pesaing lain.

Ia adalah usaha seluruh Kumpulan MSM untuk membawa identiti jenama yang seragam dan konsisten. Identiti yang melambangkan cita-cita, potensi dan ekuiti jenama.

Penyeragaman Identiti Korporat dan Anak Syarikat MSM



Taman Tunku Sebagai Taman Angkat MSM Prai



MSM Prai memperluaskan program kesedaran dan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dengan menjadikan Taman Tunku, Seberang Jaya sebagai Taman Angkat MSM Prai.

Taman Tunku dipilih kerana ia merupakan pusat riadah orang awam dan juga pelancong. Lokasi Taman Tunku terletak berhampiran Taman Burung Seberang Jaya. Keluasan Taman Tunku dianggarkan seluas 15 ekar.

Aktiviti tersebut yang telah dimulakan sejak tahun 2013 adalah sejajar dengan falsafah korporat MSM dalam mengutamakan keselamatan alam sekitar.

Aktiviti tanggungjawab sosial korporat tersebut melibatkan kerjasama bersama Majlis Perbandaran Seberang Perai.

Setiap dua minggu, beberapa kakitangan MSM Prai akan ditugaskan untuk kerja-kerja pembersihan seperti memotong rumput, menyapu dan membersihkan kemudahan awam. Selain itu, MSM Prai turut menyediakan kemudahan tong sampah di sekitar Taman Tunku.

Melalui program CSR, MSM Prai bukan sahaja mengindahkan kawasan persekitaran Taman Tunku, bahkan dapat membentuk jalinan kerjasama antara MSM, pihak berkuasa tempatan dan juga orang awam.

Sumbangan Kasih Ramadhan MSM Perlis



En Ismail menyampaikan sumbangan kepada salah seorang penerima warga emas.

MSM Perlis dengan kerjasama Masjid Batu Bertangkup, Perlis pada 23 Julai 2014 telah menganjurkan satu majlis berbuka puasa bersama warga emas, golongan asnaf dan anak-anak yatim bersempena bulan Ramadhan Al-Mubarak. Majlis pengagihan sumbangan tersebut telah disempurnakan oleh YB Asmaiza bt Ahmad, ADUN Chuping, Perlis dan Ketua Pegawai Eksekutif MSM Perlis, En Ismail bin Samsu.

Melalui majlis ini, pihak MSM Perlis telah menyumbang sebanyak RM11,000 kepada para penerima, bermatlamat untuk meringankan beban golongan yang kurang berkemampuan.



Aktiviti tersebut bukan sahaja bertujuan untuk membantu mereka yang terlibat tetapi juga sebagai suatu pendekatan bagi merapatkan ukhuwah bersama masyarakat setempat.

Pada 24 Julai 2014, MSM Perlis turut mengagihkan sumbangan zakat perniagaan kepada golongan yang memerlukan sekitar Negeri Perlis. Sumbangan tersebut diagihkan dalam bentuk wang ringgit dan barangan keperluan rumah.

Kad Perubatan Untuk Semua Warga MSM



Ucapan dari Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod sebelum sesi pengagihan bermula. Dato' Dr Sheikh Awab menyampaikan kad perubatan kepada salah seorang petugas MSM.

MSM Malaysia Holdings Berhad telah memperkenalkan Skim Perlindungan Kesihatan Insurans Hospital dan Pembedahan Berkelompok merangkumi rawatan pesakit luar, rawatan pesakit dalaman dan pembedahan harian.

Skim yang menyediakan kad perubatan ini merupakan inisiatif MSM dalam menjaga kepentingan kakitangan. "Saya melihat kad perubatan ini sebagai sesuatu yang penting, jika sesuatu terjadi, kad perubatan MSM ini dapat membantu", kata Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM Holdings Malaysia Berhad; Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod.

"Saya akan terus berusaha untuk memastikan kepentingan kakitangan MSM terjaga", tambah beliau ketika sesi pengagihan kad perubatan di Ibu Pejabat MSM, Menara Felda.

Skim tersebut adalah sesuatu yang amat penting kerana ia dapat mengurangkan bebanan kakitangan Kumpulan MSM untuk menanggung kos perubatan yang tinggi pada hari ini.

Dengan inisiatif sebegini, produktiviti dan prestasi syarikat dapat terus dipertingkatkan untuk MSM terus melangkah ke hadapan sebagai salah sebuah pengeluar gula proses terbesar Asia.

Sesi pengagihan kad perubatan tersebut telah diserahkan kepada kakitangan Kumpulan MSM pada 23, 24 dan 25 September 2014 oleh Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod manakala sesi terakhir pada 10 November 2014 telah diserahkan kepada kakitangan MSM Perlis (Bahagian Perladangan) oleh En Mohamad Amri Sahari @ Khuzari; Timbalan Ketua Eksekutif Kumpulan MSM Malaysia Holdings Berhad.

Misi Bantuan Mangsa Banjir dari Kumpulan MSM

Kumpulan MSM di bawah inisiatif tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) telah menganjurkan misi bantuan bagi membantu mangsa banjir di negeri Perlis, Perak, Pahang, Kelantan dan Terengganu pada bulan Disember 2014 sehingga Januari 2015.



En Mohamad Amri Sahari dan En Ismail memberi barangan bantuan kepada mangsa banjir di Perlis.

Misi tersebut yang bermula di daerah Chuping, Perlis telah diketuai oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Encik Mohamad Amri Sahari bersama sukarelawan dari MSM Perlis dan syarikat induk MSM Malaysia Holdings.



Jabatan Komunikasi Korporat menyampaikan bantuan bagi mangsa banjir di Perak.

Sumbangan bantuan berupa selimut, Gula Prai, barangan makanan, mandian dan keperluan harian diagihkan kepada mangsa banjir termasuk beberapa pekerja dari MSM Perlis yang turut ditimpa bencana itu.

Dengan kerjasama dari syarikat MSM Logistics, bantuan juga dihantar ke daerah Temerloh, Pahang. Misi ini diwakili dan diketuai oleh salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Kumpulan MSM, Dato' Hajah Rosni Haji Zahari dalam menyampaikan bantuan kepada penduduk sekitar.

Manakala di daerah Parit, Perak, sebanyak 100 unit dapur gas dan 240kg Gula Prai diagihkan kepada penduduk kawasan pada awal Januari 2015.

Di samping itu, keadaan di negeri Kelantan dan Terengganu terjejas paling teruk berikutan bencana alam ini. Melalui kerjasama dengan "Islamic Relief Malaysia", Kumpulan MSM telah mengambil inisiatif dan berjaya membuat kutipan dana sebanyak RM4,550 dalam masa dua hari sahaja bagi membantu mengurangkan beban yang dihadapi mangsa banjir. Dana yang terkumpul diuruskan oleh Jabatan Komunikasi Korporat untuk membeli barangan keperluan harian, disertai 240kg Gula Prai yang disumbangkan oleh Kumpulan MSM.



Sukarelawan daripada Surau MSM Perlis memberi bantuan pasca banjir di Kelantan.

Sebanyak 1 tan (1000kg) Gula Prai selain daripada makanan kering dan juga pakaian telah diedarkan kepada mangsa banjir di kawasan Pantai Timur oleh Ahli Jawatankuasa Surau MSM Perlis. Manakala, sumbangan berjumlah RM300,000 diberikan kepada Tabung Bencana Banjir yang dilaksanakan oleh Kumpulan FELDA pada akhir tahun lepas.

Kumpulan MSM mengucapkan terima kasih kepada yang telah memberi sumbangan dan menjayakan usaha ini. Semoga bantuan yang dihulurkan dapat meringankan beban yang dihadapi serta mampu memberi suntikan semangat untuk kembali pulih.

Pada tarikh 8 Januari 2015, MSM Malaysia Holdings Berhad telah menerima kunjungan hormat dari pejabat Kedutaan Pakistan. Delegasi tersebut diwakili oleh Tuan Yang Terutama Syed Hassan Raza, Pesuruhjaya Tinggi Pakistan dan Wajihullah Kundi, Kaunselor Perdagangan serta berlangsung di Tingkat 44, Menara Felda.



Sesi minum petang antara delegasi Kedutaan Pakistan dan pengurusan MSM Malaysia Holdings Berhad.



Dato' Dr Sheikh Awab menyampaikan cenderahati kepada Tuan Yang Terutama Syed Hassan Raza, Pesuruhjaya Tinggi Pakistan dan merakam gambar kenangan antara MSM Malaysia Holdings Berhad dan Kedutaan Pakistan.

Kunjungan Hormat dari Kedutaan Pakistan



Sesi taklimat oleh Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod kepada delegasi Pakistan.

Lawatan tersebut disambut baik oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MSM Malaysia Holdings Berhad, Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif, Mohamad Amri Sahari dan pengurus kanan dari setiap Jabatan.

Pelbagai isu telah dibincangkan terutamanya kerjasama untuk meneroka peluang perniagaan di negara Pakistan. Selesai sahaja perbincangan, Tuan Yang Terutama diberi penerangan tentang proses pembuatan gula bermutu tinggi dan juga serba sedikit tentang latar belakang penubuhan MSM Malaysia Holdings Berhad. Perbincangan dua hala ini berlangsung selama dua jam dan diakhiri dengan jamuan ringan.

Kunjungan Hormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan ke MSM Prai

Pada 12 Disember 2014, MSM Prai telah menerima kunjungan hormat daripada Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), YB Dato' Sri Hasan Malek.

Delegasi KPDNKK seramai lebih kurang 20 orang yang terdiri daripada ketua cawangan dan ketua unit KPDNKK Bahagian Utara juga disertai oleh dua orang pegawai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), telah disambut oleh pengurusan kanan Kumpulan MSM yang diketuai oleh Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, YBhg Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod.



Taklimat mengenai operasi MSM Prai kepada delegasi KPDNKK oleh pengurusan kanan Kumpulan MSM.



YB Dato' Sri Hasan Malek melihat modul struktur kilang di MSM Prai.

Dikesempatan itu, YB Dato' Sri Hasan juga telah menandatangani buku pelawat yang telah berusia 50 tahun di mana ia juga merupakan buku yang ditandatangani oleh Perdana Menteri Malaysia yang pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada 12 Disember 1964 pada Majlis Pelancaran MSM Prai.

Pada sesi lawatan tersebut, kedua-dua pihak telah berbincang pelbagai isu-isu penting yang melibatkan industri gula Malaysia juga dunia.

Lawatan MSWG ke MSM Malaysia Holdings Berhad

Pada 19 September 2014, Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad atau dikenali sebagai MSWG telah membuat satu kunjungan ke MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM).

Kunjungan seramai 6 orang tersebut telah disambut oleh Dato' Dr Sheikh Awab Sheikh Abod; Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan MSM, En Amri Sahari @ Khuzari; Timbalan Ketua Eksekutif Kumpulan MSM dan Puan Raja Faridah Raja Ahmad; Pegawai Kewangan Kumpulan MSM.

Antara objektif lawatan tersebut adalah untuk mendapat pendedahan mengenai aktiviti-aktiviti perniagaan yang dijalankan oleh MSM, sistem operasi dan juga prestasi kewangan Kumpulan MSM dengan lebih jelas.



Dato' Dr Sheikh Awab menyampaikan cenderahati kepada Puan Rita Benoy; Ketua Pegawai Eksekutif MSWG dan merakam gambar kenangan antara MSM Malaysia Holdings Berhad dan MSWG.

Talian Hotline Kumpulan MSM



Pada 02 Januari 2015, MSM Malaysia Holdings Berhad telah memperkenalkan talian hotline 1 300 22 5252 dalam usaha untuk memudahkan para pelanggan berkomunikasi, membuat aduan dan pertanyaan mengenai syarikat secara terus kepada Kumpulan MSM melalui satu nombor tunggal.

Nombor talian hotline dapat memberikan Kumpulan MSM kelebihan ke atas pesaing di mana ia adalah salah satu daripada usaha dan komitmen kepada khidmat pelanggan yang berkualiti tinggi. Ia juga dapat mewujudkan persepsi baik terhadap Kumpulan MSM.

Untuk pertanyaan lebih lanjut mengenai talian hotline ini, sila hubungi Bahagian Pentadbiran Kumpulan MSM, En Ahmad Hawapi.

Petugas Baharu 2014

Selamat datang kepada semua petugas baru Kumpulan MSM. Kami percaya dengan kemahiran dan bakat anda akan dapat membantu kita mencapai tahap yang lebih gemilang.

MSM Malaysia Holdings Berhad

